



MAJLIS DAERAH TUMPAT
JALAN TANJUNG KUALA, 16200 TUMPAT, KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Bumiputera yang berdaftar dengan Majlis Daerah Tumpat, Kelantan dan berkelayakan dalam bidang **kerja-kerja mencuci dan membersihkan atau mencuci bangunan dan membersihkan kawasan** untuk melaksanakan kerja-kerja dinyatakan di bawah bagi tempoh **01 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026**.

**“ MENGENDALIKAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI DALAM
KAWASAN BEBAS CUKAI PENGKALAN KUBOR, TUMPAT “**


2. Lawatan tapak berhubung dengan sebut harga akan dijalankan pada hari **Selasa, 28hb Oktober 2025 bertempat di Dewan Teratai, Pantai Sri Tujuh, Tumpat bermula jam 10.30 pagi**.
3. Kehadiran ke lawatan tapak tersebut adalah **DIWAJIBKAN** dan penyebut harga dikehendaki hadir sendiri tanpa wakil dan mengemukakan kad pengenalan, surat pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya dan dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Majlis Daerah Tumpat** untuk semakan sebelum dibenarkan menyertai lawatan tapak. Satu salinan surat pendaftaran hendaklah dikemukakan untuk simpanan Majlis Daerah Tumpat semasa hendak mengambil dokumen.
4. Dokumen sebut harga akan mula dijual bermula **28hb Oktober 2025 sehingga 05hb November 2025** dengan harga RM 50.00 senaskah pada hari bekerja (Ahad - Khamis) dari jam 9.00 pagi hingga jam 3.00 petang di Bahagian Pelesenan, Kebersihan dan Kesihatan Awam Majlis Daerah Tumpat. Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada penyebut harga yang hadir ke lawatan tapak untuk sesi taklimat dan penerangan sebut harga sahaja.
5. Dokumen tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermeteri, jenis tawaran kerja dan nombor tawaran hendaklah dinyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta di alamatkan kepada **Tuan Yang Dipertua, Majlis Daerah Tumpat, Jalan Tanjung Kuala, 16200 Tumpat, Kelantan** atau dimasukkan terus ke dalam peti tawaran yang disediakan di Pejabat Majlis Daerah Tumpat.
6. Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga sebelum atau pada hari **Khamis, 13hb November 2025 sebelum jam 12.00 tengahari**.
7. Majlis tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah sekali dari mana-mana tawaran.

8. Lawatan tapak adalah diwajibkan dan dijadualkan pada hari **Selasa, 28hb Oktober 2025** bertempat di **Dewan Teratai, Pantai Sri Tujuh, Tumpat** bermula jam 10.30 pagi.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ROSLI BIN MOHAMED)

Setiausaha

b.p. Yang Dipertua

Majlis Daerah Tumpat

Ruj. Fail : MDT.D582 (02) 804/10/KLT.XIV
Bertarikh : 19hb Oktober 2025

s.k: Semua Yang Dipertua
Majlis-Majlis Daerah, Kelantan

Semua Ketua-ketua Pejabat/Jabatan

Semua Ahli Majlis
Majlis Daerah Tumpat